

ZPP terima zakat RM1.22 juta

Penyerahan melibatkan lima syarikat dan sebuah koperasi bertujuan bantu asnaf termasuk golongan terjejas akibat Covid-19

Oleh MOHD ISKANDAR OTHMAN

SEBERANG PERAI

Zakat Pulau Pinang (ZPP) menerima pembayaran zakat perniagaan daripada lima syarikat korporat dan sebuah koperasi berjumlah RM1.22 juta kelmarin.

Lima syarikat berkenaan ialah Maybank Islamic Berhad melibatkan pembayaran zakat sebanyak RM600,000, Etiqa Family & General Takaful Berhad (RM169,380), Syarikat QSR Brands (RM159,401), Bank Muamalat Malaysia Berhad (RM106,618), Rural Capital Berhad (RM95,879) dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) menyerahkan zakat sebanyak RM96,016.

Penyerahan zakat itu diterima Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, Datuk Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman dalam Majlis Hi-Tea yang diadakan di sini petang kelmarin.

Hadir sama dalam majlis berkenaan, Ketua Pegawai Eksekutif ZPP, Amran Hazali.

Dalam ucapannya, Ahmad Zakiyuddin berkata, dana zakat diterima oleh badan korporat itu akan digunakan oleh ZPP bagi membantu asnaf termasuk golongan terjejas akibat pandemik coronavirus (Covid-19) di negara ini.

Menurutnya, sebelum ini ZPP telah menyalurkan bantuan khas Covid-19 sebanyak RM15.1 juta dan telah diagihkan kepada mereka yang hilang sumber pendapatan akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

“Pelbagai lapisan masyarakat Muslim di negeri ini yang telah menerima bantuan bagi membolehkan mereka membina semula atau kembali berdikari bukan sahaja ketika penularan tetapi juga pasca pandemik ini,” katanya.

Menurutnya, berdasarkan perkembangan semasa yang masih menyaksikan krisis kesihatan global, zakat merupakan unsur penting dalam menangani isu-isu ekonomi yang melanda masyarakat.

“Dengan petunjuk ekonomi yang masih suram akibat krisis ini, zakat memainkan peranan yang cukup penting dalam penyaluran bantuan kepada mereka yang memerlukan untuk kelangsungan hidup selepas ini,” katanya.



Kesemua pembayar zakat bergambar bersama Ahmad Zakiyuddin selepas majlis penyerahan kelmarin.

Pelbagai lapisan masyarakat Muslim di negeri ini yang telah menerima bantuan bagi membolehkan mereka membina semula atau kembali berdikari bukan sahaja ketika penularan tetapi juga pasca pandemik ini.”

Sementara itu, Amran berkata, ZPP mengurangkan sasaran kutipan zakat sebanyak 10 peratus berbanding sasaran awal iaitu daripada RM136 juta kepada RM122.4 juta pada tahun ini berikutan ramai yang terkesan dengan wabak di luar jangkauan.

“Unjuran asal yang kita sasar pada tahun ini adalah sebanyak RM136 juta tetapi oleh kerana Covid-19 ini, kita mendapati corak dan arah aliran kutipan itu agak perlahan.

“Jadi, setelah mendapat persetujuan daripada Lembaga Pengarah (ZPP), maka kita terpaksa menyemak semula (unjuran) yang kita sasar pada RM122.4 juta iaitu penurunan kira-kira 10 peratus.

“Walaupun demikian, kita berharap kutipan dapat melebihi jangkauan kerana ada sedikit peningkatan hasil kutipan zakat,” katanya.

Selain itu Amran berkata, jumlah permohonan bantuan zakat sehingga Jun lepas meningkat hampir sekali ganda berbanding tempoh sama pada 2019.

Katanya, sebelum ini agihan itu melibatkan 24,000 penerima tetapi sehingga bulan Jun, bantuan zakat telah diagihkan melibatkan lebih 42,000 penerima.



Penasihat Syariah QSR Brands, Dr Suhaimi Ab Rahman (kiri) menyampaikan replika cek bayaran zakat kepada Ahmad Zakiyuddin (tengah) pada Majlis Hi-Tea petang kelmarin.



Ketua Pegawai Operasi Rural Capital, Dr Mahadir Ibrahim (dua dari kiri) membacakan akad pembayaran zakat sebelum menyerahkan replika cek kepada Ahmad Zakiyuddin (tiga dari kanan).